

Eat Well, Live Well.



AGP

Ajinomoto Group Policies

Malay
Bahasa Melayu

KANDUNGAN

Mesej daripada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif	1
Our Philosophy (Falsafah Kami)	2
AGP (Ajinomoto Group Policies)	3
• Skop pelaksanaan	4
• Tanggungjawab Korporat	4
• Hotline	4
• Kita menyokong Perjanjian Sejagat Bangsa-bangsa Bersatu	5
• Kita melaksanakan inisiatif secara aktif yang menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan	5
1. Inisiatif Untuk Meningkatkan Pemakanan	6
2. Menyediakan dan Membekalkan Perkhidmatan dan Produk Yang Selamat dan Berkualiti Tinggi	7
3. Memberi Sumbangan kepada Alam Sekitar dan Kemampanan Global	8
4. Urus Niaga yang Adil dan Telus	8
5. Pendekatan terhadap Hak Asasi Manusia	10
6. Melatih Sumber Manusia dan Memastikan Keselamatan	11
7. Bekerja dengan Masyarakat Tempatan	12
8. Tanggungjawab kepada Pihak yang Berkepentingan	13
9. Perlindungan dan Pengurusan Aset-Aset dan Maklumat Korporat	14
10. Pengasingan Jelas Hal-Hal Urus Niaga dan Peribadi	15
11. Penubuhan dan Pelaksanaan Pentadbiran yang baik	16
• Laporan	17

Mesej daripada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Dalam Kumpulan Ajinomoto, misi kita adalah untuk menyumbang kepada makanan dan kesejahteraan sedunia serta membina kehidupan yang lebih sempurna pada masa akan datang. Itulah sebabnya kita meneruskan inisiatif ASV (The Ajinomoto Group Creating Shared Value)—suatu pendekatan kita yang unik dalam menyelesaikan isu-isu sosial menerusi kegiatan perniagaan kita, dan mempertingkatkan nilai ekonomi dengan mewujudkan nilai bersama dengan masyarakat dan komuniti tempatan.



Usaha meneruskan ASV memerlukan kerjasama dengan pelbagai pihak yang berkaitan, dan usaha sama ini hanya boleh dicapai sekiranya setiap seorang daripada kita di Ajinomoto berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat. Menyedari akan hakikat ini, kita telah membaruhui prinsip-prinsip yang mencerminkan kepercayaan dan tingkah laku yang harus disokong oleh syarikat-syarikat dalam Kumpulan Ajinomoto dan setiap seorang daripada kita yang bekerja di situ yang kita namakan sebagai “Ajinomoto Group Policies (AGP)”. AGP mewakili pandangan bersama secara fundamental dan global yang disertakan dengan kod etika untuk mengawal kegiatan perniagaan Kumpulan Ajinomoto kerana ia amat berkaitan dengan pematuhan di setiap negara dan rantau di mana kita beroperasi, peraturan-peraturan antarabangsa mengenai “Isu-isu masyarakat abad ke-21,” dan usaha meneruskan ASV.


AGP digunakan untuk semua kegiatan kita dan memberikan komitmen bertulis kepada semua pihak yang berkaitan bagi menyatakan bahawa kita mendukung mereka. Matlamat kita adalah untuk menjadi sebuah syarikat “Genuine Global Specialty” yang memperoleh kepercayaan dengan mendukung AGP dalam semua kegiatan yang kita lakukan.

A handwritten signature in blue ink, which appears to read 'Taro Fujie'. The signature is fluid and cursive, with a small mark above the 'e'.

Taro Fujie
Wakil Pengarah Eksekutif,
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, Ajinomoto Co., Inc.

Our Philosophy (Falsafah Kami)

Sejak penubuhan kita, Kumpulan Ajinomoto telah secara konsisten terlibat dalam inisiatif untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial melalui urusan perniagaan kita. Inisiatif ini telah menyumbang kepada pertumbuhan Kumpulan dengan meningkatkan nilai ekonomi melalui penciptaan nilai bersama dengan masyarakat dan komuniti setempat. Kita namakan inisiatif ini sebagai ASV (The Ajinomoto Group Creating Shared Value). ASV berfungsi sebagai teras kepada Falsafah Kita, pendekatan Kumpulan untuk mencapai misi dan visi yang telah diterima pakai di bawah falsafah korporat ini.



AGP (Ajinomoto Group Policies)

Perkara yang menjadi dasar ASV, Misi dan Visi kita ialah “Ajinomoto Group Policies”, atau “AGP”. Dasar-dasar ini menjelaskan kepercayaan dan tingkah laku yang mana semua syarikat Kumpulan Ajinomoto dan setiap seorang daripada kita yang bekerja di sana terikat dengannya. Dasar-dasar ini juga berfungsi sebagai ikrar bertulis kepada semua pihak yang berkaitan bahawa kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendukung kepercayaan dan tingkah laku ini.

Carta di bawah menerangkan hubungan antara komponen penting falsafah kita ini.

Misi *raison d'être* kita, dan hasrat sebagai sebuah syarikat yang akan kita laksanakan dengan berterusan

Misi kita ialah menyumbang kepada makanan dan kesejahteraan sedunia serta membina kehidupan yang lebih sempurna pada masa akan datang.

Apa yang kita ingin capai dalam usaha meneruskan misi kita

Menyumbang kepada kesejahteraan manusia sejagat yang lebih baik, mendedahkan kehebatan asid amino dalam menyelesaikan masalah makanan dan kesihatan yang berkaitan dengan tabiat pemakanan dan penuaan.

Menjelang tahun 2030

- Membantu melanjutkan jangka hayat kehidupan sihat bagi 1 bilion orang.
- Mengurangkan kesan persekitaran kita sebanyak 50%, di samping meningkatkan prestasi perniagaan.

Inisiatif untuk menggubal kedua-dua nilai sosial dan ekonomi agar misi dan visi kita menjadi kenyataan

ASV mewakili komitmen kita yang tidak berubah: Bersama pihak yang berkaitan dan perniagaan, kita membantu menyelesaikan isu-isu masyarakat yang membawa ke arah penciptaan nilai ekonomi.

Nilai yang dikongsi bersama di kalangan pekerja dalam usaha meneruskan misi dan visi kita; pendekatan asas dan pendirian dalam menjalankan kerja kita

- Mencipta Nilai Baharu
- Semangat Perintis
- Sumbangan Sosial
- Menghargai Orang Ramai

Kepercayaan dan tingkah laku yang mesti didukung oleh setiap Kumpulan Ajinomoto dan setiap seorang daripada kita yang bekerja di sana.

Skop pelaksanaan

"The Ajinomoto Group Policies", atau "AGP," adalah digunakan kepada semua syarikat Kumpulan Ajinomoto dan para pegawai serta kakitangannya.

Tanggungjawab Korporat

- Syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto tidak membenarkan para pegawai dan kakitangan mengabaikan AGP. Dan pada masa yang sama, Syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto haruslah memastikan tidak ada mana-mana pegawai atau kakitangan yang mengalami kesan buruk kerana mematuhi AGP.
- Pengurusan Tertinggi Syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto harus memahami peranan masing-masing dalam mematuhi AGP dan menjadi contoh pematuhan. Pengurusan tertinggi juga harus memastikan pematuhan dalam syarikat mereka dan mewujudkan sistem dalaman yang berkesan yang menggabungkan pendapat dari dalam dan luar syarikat-syarikat mereka.
- Apabila berlaku pelanggaran AGP yang serius, seperti pencabulan undang-undang atau peraturan, pengurusan tertinggi diharapkan dapat menjelaskan pendirian mereka kepada pihak yang berkepentingan dalam menyelesaikan isu tersebut dan mengambil langkah-langkah yang diperlukan bagi mengenalpasti puncanya dan mencegahnya daripada berulang lagi.

Hotline

- Syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto telah menyediakan kaedah bagi pekerja membuat laporan pelanggaran dan masalah sejajar dengan "Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pemberitahuan Maklumat Rahsia," yang dinyatakan dalam Bab 11.
- Syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto menjaga dengan baik maklumat peribadi dan memelihara privasi sesiapa sahaja yang membuat laporan dan memastikan laporan tersebut tidak disalahgunakan sehingga boleh menjejaskan pelapor.

• Kita menyokong Perjanjian Sejagat Bangsa-bangsa Bersatu

Perjanjian Sejagat Bangsa-bangsa Bersatu meminta syarikat-syarikat supaya berusaha, menyokong dan mengamalkan di dalam lingkungan pengaruh mereka, satu set nilai asas dalam bidang hak asasi manusia, piawai tenaga buruh, persekitaran dan antirasuah.

Hak Asasi Manusia Perniagaan harus:

Prinsip 1: menyokong dan menghormati penjagaan hak asasi manusia yang dituntut pada peringkat antarabangsa; dan

Prinsip 2: memastikan ianya tidak terlibat dalam pelanggaran hak asasi manusia.

Tenaga Buruh Perniagaan harus:

Prinsip 3: mendukung kebebasan perhubungan dan pengiktirafan yang berkesan terhadap hak untuk berunding secara kolektif;

Prinsip 4: pembasmian semua jenis paksaan dan tenaga buruh paksa;

Prinsip 5: pemansuhan yang efektif terhadap tenaga buruh kanak-kanak; dan

Prinsip 6: penghapusan diskriminasi dari segi penggunaan tenaga buruh dan pekerjaan.

Persekitaran Perniagaan harus:

Prinsip 7: menyokong satu pendekatan berjaga-jaga terhadap cabaran-cabaran persekitaran;

Prinsip 8: mengambil inisiatif mempromosi tanggungjawab yang lebih besar terhadap persekitaran; dan

Prinsip 9: menggalakkan pembinaan dan penerapan teknologi-teknologi mesra alam sekitar.

Antirasuah Perniagaan harus:

Prinsip 10: berusaha memerangi rasuah dalam apa bentuk sekalipun, termasuk pemeasaran dan suapan.

• Kita melaksanakan inisiatif secara aktif yang menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampaan.

Matlamat Pembangunan Mampaan (SDGs) telah ditetapkan dalam Agenda Pembangunan Lestari 2030 yang digunakan oleh Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan September 2015, menggantikan Matlamat-Matlamat Pembangunan Milenium yang dirumuskan pada tahun 2001. SDGs mengandungi 17 matlamat yang dipersetujui di peringkat antarabangsa bagi tempoh antara 2016 hingga 2030.

1. Iniatif Untuk Meningkatkan Pemakanan

- 1.1 Kita berhasrat untuk menumpukan perhatian kepada keperluan pemakanan manusia dari pelbagai negara, umur, gaya hidup dan keadaan kesihatan yang berbeza-beza, dan membekalkan produk serta maklumat yang dapat meningkatkan keseimbangan pemakanan harian mereka.
- 1.2 Kita menyumbang kepada makanan yang berkhasiat untuk emosi dan fizikal bukan sahaja dengan produk yang membekalkan zat makanan yang sesuai, tetapi juga mengesyorkan makanan yang lazat, menu yang pelbagai, cara memasak yang baik dan amalan makan bersama.
- 1.3 Kita berusaha untuk membantu pelanggan meningkatkan nutrisi dengan menawarkan maklumat lengkap, produk-produk, dan perkhidmatan-perkhidmatan berdasarkan pemahaman yang mendalam mengenai keadaan setempat.
- 1.4 Kita menawarkan peluang untuk makanan berkhasiat menerusi produk-produk yang mampu dimiliki dan juga dengan cara yang sesuai, dan memenuhi keperluan-keperluan pelanggan di setiap negara.

Dasar-dasar Bersama Kumpulan

1. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pemakanan
2. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Mudah Memperoleh Produk

2. Menyediakan dan Membekalkan Perkhidmatan dan Produk Yang Selamat dan Berkualiti Tinggi

- 2.1 Kita sentiasa berpegang pada matlamat mengutamakan pelanggan dan, melalui teknologi yang canggih serta melalui daya kreatif, membangunkan dan menyediakan perkhidmatan serta produk yang selamat dan berkualiti tinggi.
- 2.2 Kita membekalkan maklumat yang tepat dan berguna mengenai produk dan perkhidmatan dalam usaha kita untuk mendapatkan dan mengekalkan kepercayaan pelanggan, memenuhi harapan mereka, dan memastikan kepuasan mereka.
- 2.3 Kita memastikan semua pemasaran dan pengiklanan kita dijalankan secara interaktif bersama pelanggan kita dengan penuh bertanggungjawab, terutama apabila ditujukan kepada kanak-kanak.

Dasar-dasar Bersama Kumpulan

1. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Mutu
2. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Keselamatan Makanan
3. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Komunikasi Pasaran
4. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Penerangan Bungkus

3. Memberi Sumbangan kepada Alam Sekitar dan Kemampanan Global

- 3.1 Kita bekerjasama dengan masyarakat dan pelanggan untuk wujud bersama secara harmoni di bumi dan memupuk “masyarakat berorientasikan kitar semula.” yang mampan.
- 3.2 Kita menggalakkan semua individu untuk menggunakan sumber-sumber dan tenaga dengan lebih cekap dan meneruskan cara hidup yang lebih bertanggungjawab terhadap persekitaran.

Dasar-dasar Bersama Kumpulan

1. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Persekitaran
2. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Kebajikan Haiwan

4. Perniagaan yang Adil dan Telus

- 4.1 Dalam semua perniagaan, kita sentiasa menjalankan perniagaan yang adil dan telus dan mengekalkan cara perniagaan yang adil, mengiktiraf rakan niaga yang berharga.
- 4.2 Kita mengambil langkah-langkah untuk memastikan pemahaman dan pematuhan yang mendalam pada anti-amanah dan undang-undang serta peraturan yang lain yang berkaitan dengan persaingan di setiap negara di mana kita menjalankan perniagaan. Kita tidak melibatkan diri dengan pakatan sulit bersama pesaing-pesaing untuk menetapkan harga atau jualan/ jumlah pengeluaran untuk menghadkan persaingan (kartel), atau melakukan penipuan semasa membuat tawaran. Kita tidak menggunakan cara yang tidak adil bagi menghapuskan atau menyekat pesaing-pesaing dari memasuki pasaran.

- 4.3 Semasa memilih sub-kontraktor dan para pembekal, kita membuat keputusan dengan membandingkan secara adil dan menilai syarat-syarat seperti harga, kualiti dan perkhidmatan. Kita tidak melibatkan diri dalam tindakan yang menyebabkan sebarang kerugian kepada rakan niaga kita dengan menyalahgunakan kedudukan kita yang paling berpengaruh.
- 4.4 Kita melibatkan sub-kontraktor dan para pembekal dalam usaha memenuhi tanggungjawab sosial termasuk pemeliharaan persekitaran dan perlindungan terhadap hak asasi manusia.
- 4.5 Dalam berurusan dengan pelanggan dan rakan niaga kita, kita bertindak dengan membuat penilaian yang baik dan tidak melibatkan diri dalam kegiatan yang tidak wajar seperti menawarkan hadiah yang tidak sepatutnya, hiburan, wang atau sebarang bentuk ganjaran lain.
- 4.6 Kita tidak memberi hadiah, hiburan, wang atau ganjaran lain sebagai rasuah kepada pegawai-pegawai awam tempatan atau di luar negara atau orang yang sama taraf dengan mereka, tidak kira dengan cara apa pun. Kita mengekalkan hubungan yang biasa dan baik dengan kerajaan dan para pegawai.

Dasar-dasar Bersama Kumpulan

1. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pemerolehan
2. Dasar Bersama Kumpulan untuk Para Pembekal
3. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pencegahan Rasuah
4. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Kegiatan-Kegiatan Politik dan Sumbangan-Sumbangan Politik

5. Pendekatan terhadap Hak Asasi Manusia

- 5.1 Kita menjalankan kegiatan perniagaan berdasarkan kefahaman hak asasi manusia yang diiktirafkan di peringkat antarabangsa dan menghormati peraturan-peraturan tata laku antarabangsa berhubung dengan hak asasi manusia.
- 5.2 Kita berusaha bersama-sama dengan pelbagai pihak yang berkaitan bagi mengelakkan sebarang persubahatan dalam pencabulan hak asasi manusia.
- 5.3 Kita menghormati prinsip-prinsip fundamental dan hak-hak di tempat kerja seperti berikut. Kita (a) mengakui hak kebebasan berkesatuan dan tawar-menawar kolektif; (b) melarang penggunaan buruh paksa; (c) melarang penggunaan buruh kanak-kanak; dan (d) tidak bertoleransi dengan diskriminasi dalam pekerjaan.

Dasar-dasar Bersama Kumpulan

1. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Hak Asasi Manusia

6. Melatih Sumber Manusia dan Memastikan Keselamatan

- 6.1 Kita melakukan yang terbaik untuk membekalkan peluang-peluang pekerjaan yang bermakna yang membenarkan para pekerja membina dan menggunakan kemahiran serta kebolehan mereka dengan cara menghormati perbezaan, sifat peribadi dan identiti tersendiri.
- 6.2 Kita mengambil perspektif sejagat terhadap kerja kita, menitikberatkan kerja berpasukan, mengamalkan kreativiti, dan menilai semangat perintis, berusaha bersungguh-sungguh menyumbang kepada kemajuan Kumpulan Ajinomoto.
- 6.3 Kita menyokong usaha pekerja-pekerja untuk menikmati kehidupan yang memuaskan dan menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat melalui pengembangan Kumpulan Ajinomoto yang berterusan. Sehingga kini, kita tetap berusaha bersungguh-sungguh memperbaiki diri kita menerusi program-program dan inisiatif-inisiatif baharu.
- 6.4 Kita berazam untuk memiliki suasana tempat kerja yang dapat mempertingkatkan kepuasan bekerja dan mempromosikan produktiviti yang tinggi.
- 6.5 Kita menghormati undang-undang dan budaya setiap negara dan rantau di mana kita menjalankan perniagaan. Kita melarang diskriminasi terhadap sesiapa sahaja berdasarkan bangsa, kumpulan etnik, warganegara, agama, kepercayaan, tempat lahir, jantina, umur, ketidakupayaan, orientasi seksual, dll.
- 6.6 Kita membina dan mengekalkan tempat kerja yang positif, berasaskan komunikasi terbuka, yang bebas daripada segala diskriminasi dan gangguan, di mana semua orang menghormati maruah antara satu sama lain.
- 6.7 Kita menghormati setiap orang dan meletakkan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja sebagai salah satu komponen kegiatan-kegiatan korporat yang paling penting.

Dasar-dasar Bersama Kumpulan

1. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Sumber-sumber Manusia
2. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

7. Bekerja dengan Masyarakat Tempatan

- 7.1 Kita berusaha bersungguh-sungguh untuk membuat sumbangan sosial yang positif bagi membina masyarakat yang sihat sejahtera di mana kita menjalankan perniagaan yang meluas ke seluruh masyarakat. Kita menumpukan usaha pada pembangunan ekonomi, budaya dan pendidikan setiap masyarakat di mana kita menjalankan perniagaan.
- 7.2 Sebagai anggota masyarakat tempatan, kita digalakkan sebagai individu untuk menyertai kegiatan-kegiatan yang menyumbangkan kepada sosial.
- 7.3 Kita mengakui bahawa setiap orang dari kalangan kita sebagai pekerja Kumpulan adalah mewakili Kumpulan Ajinomoto setiap kali kita berinteraksi dengan orang ramai, dan oleh yang demikian, tindakan kita adalah sentiasa dikawal oleh kesedaran kita tentang etika sosial sepanjang masa.

Dasar-dasar Bersama Kumpulan

1. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Penambahan Masyarakat Tempatan

8. Tanggungjawab kepada Pihak yang Berkepentingan

- 8.1 Kita berusaha bersungguh-sungguh untuk menggunakan cara pengurusan yang baik bagi memberi pulangan yang berpadanan kepada pihak pemegang saham, dan untuk menaikkan nilai korporat.
- 8.2 Kita mendedahkan maklumat dengan cara yang sesuai dan pada masa yang betul kepada pelbagai pihak yang berkepentingan dan kita bertindak secara adil dan jujur terhadap harapan dan kepercayaan yang diletakkan kepada kita.
- 8.3 Kita mengekalkan dan melaksanakan rangka pengawalan dalaman yang sesuai bagi memastikan kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat kewangan yang didedahkan kepada pihak yang berkepentingan.
- 8.4 Kita tidak melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang menyalahi undang-undang seperti perdagangan orang dalaman, termasuk berdagang dengan saham atau lain corak landasan pelaburan menggunakan maklumat yang bukan awam untuk syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto yang disenaraikan secara awam dan/atau rakan-rakan perniagaan yang disenaraikan secara awam.
- 8.5 Kita mematuhi undang-undang percukaian di setiap negara di mana kita beroperasi. Kita bertindak terhadap perubahan dalam sistem percukaian dan pentadbiran serta mengurangkan risiko cukai dalam usaha memaksimumkan nilai pemegang saham.

Dasar-dasar Bersama Kumpulan

1. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Cukai Global
2. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Perkongsian Maklumat dengan Pihak yang Berkepentingan

9. Perlindungan dan Pengurusan Aset-Aset dan Maklumat Korporat

- 9.1 Kita dengan tegasnya melindungi dan mengurus maklumat peribadi dan aset syarikat yang ketara dan yang tidak ketara, termasuk rahsia dagangan dan harta intelektual.
- 9.2 Kita mengenalpasti betapa pentingnya untuk memelihara maklumat peribadi dan memperoleh, menggunakan serta memberikan maklumat peribadi hanya pada cara-cara yang wajar demi mengelakkan kebocoran maklumat.
- 9.3 Kita mengenalpasti bahawa hak-hak harta intelektual dan jenama kita adalah aset korporat yang penting dan menggunakan semuanya ini dalam cara yang wajar dan betul mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan Kumpulan Ajinomoto.
- 9.4 Kita menghormati hak harta intelektual pihak ketiga yang sah.

Dasar-dasar Bersama Kumpulan

1. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Keselamatan Maklumat
2. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Privasi
3. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Harta Intelektual

10. Pengasingan Jelas Hal-Hal Perniagaan dan Peribadi

- 10.1 Kita mengambil langkah-langkah memastikan bahawa kepentingan pekerja, termasuk keluarga mereka, dan kepentingan syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto tidak bercanggah.
- 10.2 Kita menggunakan aset atau maklumat korporat hanya untuk tujuan perniagaan dan bukan bertujuan mendapatkan keuntungan peribadi.
- 10.3 Kita sedar dan faham bahawa hubungan perniagaan yang dibina oleh kakitangan syarikat adalah hak milik syarikat walaupun selepas persaraan para pekerja.
- 10.4 Kita membezakan dengan jelas antara kedudukan awam korporat dan kedudukan peribadi individu berhubung dengan maklumat media sosial. Kita sedar akan peranan dan tanggungjawab kita sebagai ahli Kumpulan Ajinomoto, walaupun ketika memuatnaikkan maklumat sebagai seorang individu, dan tidak bertindak melakukan sesuatu yang boleh merosakkan Kumpulan Ajinomoto, reputasinya, atau mana-mana asetnya yang lain.
- 10.5 Kita melibatkan diri dalam kegiatan politik hanya sebagai seorang individu mewakili diri sendiri, dan hanya di luar masa bekerja dan di luar kawasan hak milik syarikat.

11. Penubuhan dan Pelaksanaan Pentadbiran yang baik

- 11.1 Kita mengamalkan sistem pentadbiran yang mengagihkan tugas dan tanggungjawab yang sempurna dan kebertanggungjawapan yang telus di mana pengurusan Kumpulan secara adil, telus dan efisien untuk terus sentiasa meningkatkan nilai korporat.
- 11.2 Kita melaksanakan pengurusan risiko yang strategik dan pengurusan krisis terancang bagi memastikan kita sentiasa berada dalam keadaan bersedia sedia demi kepentingan politik, ekonomi dan sosial seperti keganasan, serangan siber, dan bencana alam semula jadi.
- 11.3 Kita mengelak sepenuhnya sebarang penglibatan bersama elemen-elemen penjenayah yang terancang, yang menjadi ugutan terhadap keselamatan dan ketenteraman sivik. Dan juga, kita tidak menyokong sepenuhnya terhadap elemen-elemen penjenayah yang terancang dan menolak mana-mana dan semua permintaan yang tidak sesuai.
- 11.4 Kita melaporkan sekiranya kita menyedari sesuatu penipuan atau pencabulan undang-undang atau AGP di tempat kerja dan dalam perniagaan. Kita akan merujuk kepada pengurus yang berkenaan dan menggunakan sistem memberitahu rahsia bagi mengengahkan kebimbangan dan masalah-masalah yang dialami.

Dasar-dasar Bersama Kumpulan

1. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pentadbiran
2. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pengurusan Risiko
3. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Perakaunan
4. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pencegahan Penipuan dan Penyalahgunaan
5. Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pemberitahuan Maklumat Rahsia

Alamatkan sebarang pertanyaan berhubung dengan Ajinomoto Group Policies (AGP) kepada:

Business Conduct Committee Secretariat's Office
Legal & Compliance Department
Ajinomoto Co., Inc.
Alamat: 15-1, Kyobashi 1-chome, Chuo-ku, Tokyo 104-8315 Japan

Laporan

- Sebagai tambahan pada hotline yang telah ditubuhkan di syarikat masing-masing, laporan juga boleh dibuat menerusi saluran-saluran di bawah.

Talian Hotline luaran untuk Jepun

TEL: **0120-783-805** (dail percuma)

9:00-21:00 waktu pejabat dibuka

Kod: 332 Nama: Kumpulan Ajinomoto

WEB: <https://ml.helpline.jp/a-hotline>

ID: hotline PW: ajinomoto



Talian Hotline Ahli Jawatankuasa Audit

WEB: <https://i365.helpline.jp/ajinomoto/k-hotline>

Kod: 332 Nama: Kumpulan Ajinomoto

ID: hotline PW: ajinomoto

Talian Hotline Ahli Jawatankuasa Audit adalah dikendalikan oleh satu badan audit dan adalah terhad kepada laporan yang melibatkan pelaksanaan tugas-tugas pegawai sahaja. Bergantung pada kandungan laporan, urus setia Jawatankuasa Pengendalian Perniagaan, akan bertanggungjawab mengambil tindakan.



Talian hotline luaran untuk luar Jepun

WEB: <https://ml.helpline.jp/g-hotline>

ID: hotline PW: ajinomoto



Talian Hotline dalaman untuk Jepun: Urus Setia Jawatankuasa Pengendalian Perniagaan, AJICO

TEL/FAX: **+81-3-5250-8244** E-mel: hotline@asv.ajinomoto.com

Ajinomoto Co., Inc.

15-1, Kyobashi 1-chome, Chuo-ku,

Tokyo 104-8315 Japan

Tel: +81 (3) 5250-8111

URL: <http://www.ajinomoto.com/en/>

Eat Well, Live Well.

